

B-MYCIN EYE & EAR DROPS

Gentamicin (as Gentamicin Sulfate) (3mg/ml), Betamethasone Sodium Phosphate (1mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*
2. Bagaimana *B-MYCIN EYE & EAR DROPS* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*
4. Cara menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*
5. Semasa menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*

Digunakan untuk merawat keadaan alahan atau radang yang disebabkan oleh jangkitan bakteria pada mata atau telinga luar.

Bagaimana *B-MYCIN EYE & EAR DROPS* berfungsi

B-MYCIN EYE & EAR DROPS ialah larutan oftalmik yang merangkumi sejenis antibiotik (*gentamicin sulfate*) dengan agen anti-inflamasi dan anti-alergik (*betamethasone sodium phosphate*). Kombinasi kedua-dua bahan ini bertindak untuk membunuh bakteria dan menyekat proses inflamasi.

Sebelum Menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*

-Bila tidak boleh menggunakan

Apabila anda alah kepada gentamicin dan betamethasone dan pesakit dengan syarat-syarat berikut:

Mata:

Mereka yang mempunyai jangkitan virus, kulat atau mycobacteria mata.

Telinga:

Mereka yang mempunyai keradangan yang disebabkan oleh virus, mycobacteria dan jangkitan kulat pada gegendang telinga.

-Sebelum mula menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, menyusu, atau anda mempunyai sebarang masalah kesihatan

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada interaksi ubatan yang diketahui. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor anda jika anda menggunakan mana-mana ubat-ubatan

lain bersama dengan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*.

Sesetengah ubat mungkin akan meningkatkan kesan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS* dan doctor anda mungkin akan memantau anda dengan teliti jika anda sedang menggunakan ubat-ubatan ini (termasuk ubat-ubatan bagi HIV, seperti *cobicistat*).

Cara menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk mata yang terlibat, jangkitan ringan hingga sederhana 1 titis digunakan ke dalam kantung konjunktiva setiap 4 jam. Frekuensi boleh dinaikkan kepada 1 titis setiap jam semasa jangkitan yang teruk seperti yang diarahkan oleh doktor.

Untuk telinga yang terlibat, 3 – 4 titis digunakan 3 kali sehari selepas corong telinga dibersihkan. Dos yang digunakan boleh dikurangkan sekiranya keradangan telah reda ataupun seperti yang diarahkan oleh doktor.

-Bila perlu digunakan

B-MYCIN EYE & EAR DROPS perlu dititiskan mengikut arahan doktor.

-Berapa lama perlu digunakan

B-MYCIN EYE & EAR DROPS perlu diberikan berdasarkan kepada arahan doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa pengambilan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Minta perhatian perubatan dengan segera jika anda fikir anda, atau orang lain telah mengambil dos yang berlebihan.

Semasa menggunakan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*

-Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini atau

mengubah dos penggunaan tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk kepada doktor anda jika keadaan tidak bertambah baik. Perhatian perlu diberi kepada kanak-kanak dan elakkan pemakaian kanta sentuh anda semasa menerima rawatan.

Kesan-kesan sampingan

B-MYCIN EYE & EAR DROPS mungkin menyebabkan rasa pedih sementara, kerengsaan, rasa panas, peningkatan tekanan okular, glaukoma dan sebagainya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan *B-MYCIN EYE & EAR DROPS*

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Buang setelah dibuka selama 1 bulan.

-Pelupusan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhenti menggunakan ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Jernih dan tidak berwarna hingga sedikit kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Gentamicin Sulfate

Betamethasone Sodium Phosphate

-Bahan tidak aktif

Sodium phosphate

Disodium Edetate

Sodium Metabisulfite

Creatinine

Benzalkonium Chloride

(sebagai pengawet)

-Nombor MAL

MAL15085075AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/01/2021

Nombor Siri

NPRA(R2/1)210116/604